



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAS KENDERAAN (C.2 EB.3)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGAWAS KENDERAAN
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Kenderaan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Lelaki**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Ditugaskan bagi membantu Pengurus Bahagian *Ground Support Equipment (GSE)* bagi pengurusan pengendalian stor-stor dan pentadbiran kakitangan Bahagian Pengurusan Stor pada keseluruhannya;
2. Ditugaskan bagi membantu Pengurus Bahagian *Ground Support Equipment (GSE)* bagi pengurusan pembelian, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan / peralatan;



3. Membantu Ketua Bahagian di dalam mentadbir kakitangan termasuk mekanik dan pemandu Bahagian *Ground Support Equipment (GSE)* pada keseluruhannya;
4. Membantu Ketua Bahagian di dalam menyediakan anggaran belanja tahunan;
5. Membuat dan menyediakan laporan-laporan berkaitan Bahagian *Ground Support Equipment (GSE)* dari semasa ke semasa apabila diarahkan;
6. Memastikan penjadualan bertugas kakitangan-kakitangan yang diaturkan adalah teratur;
7. Bertanggungjawab ke atas keselamatan kakitangan di bawah jagaannya, keselamatan kerja dan alat-alat mesin; dan
8. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.